

## KONSEP AL-ILLAH WA AL-MA'LUL IKHWAN AL-SAFA': SATU ANALISA RISALAH FI AL-'ILAL WA AL-MA'LULAT

Wan Suhaimi bin Wan Abdullah

### Abstract

*The Brethren of Purity (Ikhwan al-Safa wa Khullan al-Wafa) is the most popular movement in Islamic Cosmology. This movement has their own encyclopaedia of Science which is known as Rasail Ikhwan al-Safa. This encyclopaedia is a unique encyclopaedia which contains 52 "maqalah" and divided into 4 categories in various knowledge, i.e. mathematic and education, natural science, rational science and phsycological science and theological science. In rational science and phsycological science there is an article in 9 (risalah) which is the study about cause and effect. The study of cause and effect is mentioned in both rational and phsycological sciences. This study according to Ikhwan al-Safa is rather difficult but interesting. Certain criteria are needed particularly in the study of cause and effect, i.e. detail study, good attitude and moral, cleanliness spiritual, high knowledge and perfect understand and using the right methodology. Ikhwan al-Safa has divided the study of cause into 4 categories, i.e. "maker", "jirim", "figure" and "vision" whereas the study of effect is divided into 4 catagories, i.e. "human creation", "nature", "spiritual" and "al-ruhaniyyat al-Ilahiyyat". Therefore this article attempts to elaborate the study of cause and effect according to Rasail al-Safa.*

## Pendahuluan

*Ikhwan al-Safa' wa Khullan al-Wafa'*, nama yang tidak asing dalam rangkaian sejarah pemikiran Islam amnya dan Sains Kosmologi Islam khususnya. Pun begitu kumpulan atau jemaah ini jarang mendapat perhatian pengkaji sejarah pemikiran (sama ada di kalangan cendekiawan Islam atau pun Barat) berbanding dengan tokoh-tokoh pemikiran Islam yang lain seperti Ibn Sina, al-Farabi, Ibn Rusd dan sebagainya.

Fenomena ini mungkin berpunca dari beberapa sebab, antaranya ialah kerana kurangnya sumber rujukan bagi membantu mendedahkan pemikiran, falsafah dan hakikat sebenar jemaah ini. Sumber-sumber sebegini sangat perlu memandangkan pergerakan, ajaran dan falsafah yang cuba disampaikan oleh mereka penuh dengan misteri. Misteri atau rahsia ini seakan dijaga dan dipelihara di kalangan mereka sebagai suatu amanat dan sehingga kini nama anggota jemaah dan ajaran mereka secara tepat masih belum dapat ditentukan.

### *Ikhwan al-Safa'*

*Ikhwan al-Safa'*<sup>1</sup> (Persaudaraan Suci) yang dikenali di barat sebagai The Brethren of Purity ialah satu jemaah yang lahir pada pertengahan kurun ke-4 Hijrah (373H/983M) di Basrah.

---

<sup>1</sup>Di antara sumber rujukan tentang *Ikhwan al-Safa'* ialah:

- Jabbur 'Abd al-Nur, *Ikhwan al-Safa'*, Kaherah, 1961
- Umar Farrukh, *Ikhwan al-Safa'*, Beirut, 1953
- Ibn al-Qifti, *Akhbar al-Hukama'*, Kaherah, t.t.
- Dhabihallah Safa, *Ikhwan al-Safa'*, Tehran, 1951
- A.L. Tibawi, *Ikhwan, al-Safa' And Their Rasail*, Tibawi, London, 1956
- *Jemaah Ikhwan al-Safa'*, Journal of the American University of Beirut, 1-80, 1930-31
- *The Encyclopaedia of Islam*
- *Dairat al-Maarif al-Islamiyah*.

Baghdad yang pada ketika itu merupakan satu-satunya tapak Empayar 'Abbasiyah telah dilanda pergolakan-pergolakan politik dan pemikiran terutama di zaman Khalifah al-Muqtadir. Ini mengakibatkan berlakunya kepincangan dalam masyarakat, ketidakadilan berleluasa dan seterusnya mencetuskan pemberontakan-pemberontakan terhadap pemerintah. Pelbagai kumpulan telah lahir demi memperjuangkan kestabilan politik, sosial dan ekonomi masing-masing. Pergerakan mereka dilakukan dengan begitu teratur dan sulit, menyebar pandangan-pandangan secara teratur dan sulit, menyebar pandangan-pandangan secara rahsia dan penuh simbolik. Di samping itu ada yang melaung-laungkan panji-panji Ahli Bait Rasulullah s.a.w. dalam mempromosi jemaah masing-masing.

Jemaah *Ikhwan al-Safa'* adalah di antara jemaah sulit yang lahir pada ketika itu. Mereka dikatakan berusaha ke arah membentuk suatu suasana kemasyarakatan dan keagamaan yang baik di samping mendedah dan menyebarkan ilmu pengetahuan di kalangan masyarakat.<sup>2</sup>

Jemaah *Ikhwan al-Safa'* bergerak menjalankan aktiviti dengan sulit dan rahsia. Seruan dan gerakan mereka disusun dengan teliti sehinggakan hakikat jemaah dan ahli-ahlinya tidak dapat dipastikan. Beberapa tokoh yang sering dikaitkan dengan jemaah *Ikhwan al-Safa'* dan karya mereka *Rasail Ikhwan al-Safa'* ialah Abu Sulaiman Muhammad ibn Ma'shar al-Basti, Abu al-Hassan 'Ali ibn Harun al-Zaujani, Abu Ahmad al-Mihrjani, 'Awfi dan Zaid ibn al-Rifa'i.<sup>3</sup>

Mazhab *Ikhwan al-Safa'* didirikan di atas asas yang mengatakan bahawa "Syariat Islam telah dikotori oleh kejahilan dan kesesatan" dan jalan penyuciannya melalui falsafah kerana ia meliputi hikmat *i'tiqad* dan

---

<sup>2</sup>Jabbur Abd al-Nur, *Ikhwan al-Safa'*, Kaherah, 1961, h. 5-7.

<sup>3</sup>Lihat Ibn al-Qifti, *op.cit.*, hal. 59, Umar Farrukh, *op.cit.*, hal. 13. Sayyed Hossein Nasr, *Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam*, hal. 3, T.J De Boer, *The History of Philosophy in Islam*, London, 1970, hal. 84. Muhammad Lutfi Jum'ah, *Tarikh Falasifah al-Islam*, t.t, hal. 253.

kemaslahatan ijtihad. Justru itu, apabila tersusun Falsafah Yunani dengan Syari'at Islam bererti tercapailah kesempurnaan.<sup>4</sup>

Dari asas ini, jelaslah bahawa tujuan dan matlamat mereka ialah menyatukan antara mazhab-mazhab Aqidah dan Falsafah, seterusnya mendorong mazhab-mazhab tersebut ke suatu matlamat iaitu "Ilakikat yang mutlak".

Karya mereka *Rasail Ikhwan al-Safa'*, merupakan suatu rangkaian karya yang unik. "Ensaiklopaedia Sains" ini, merupakan suatu himpunan 52 maqalah yang merangkumi berbagai cabang ilmu pengetahuan.<sup>5</sup> Ianya dibahagikan kepada empat bahagian iaitu:

- (i) Matematik dan pendidikan
- (ii) Sains Tabii
- (iii) Sains rasional dan Psikologikal
- (iv) Sains Teologikal tentang 'namus' dan 'syariat'.<sup>6</sup>

Selain *Rasail* ini, terdapat satu lagi risalah yang dikenali sebagai *Jami'at al-Jami'at* yang memuatkan kesimpulan pendapat *Ikhwan al-Safa'* dalam *Rasail*.

Pengarang makalah-makalah ini sebagaimana yang dinyatakan tidak dapat dipastikan. Apa yang jelas, ia dikarang oleh pengarang-pengarang yang berlainan dan bukan pada jangka masa yang sama. Gaya bahasanya mudah difahami. Namun begitu, kata-kata simbolik, perumpamaan dan cerita-cerita yang dimuatkan dalam karya mereka itu adakalanya

---

<sup>4</sup>*Ibid.*, hal. 253, Abu Hayyan al-Tawhidi, *Al-Imta' wa al-Mu'anasah*, J. II, Kaheerah, 1942 h. 5.

<sup>5</sup>Masalah bilangan makalah ini timbul kerana *Ikhwan al-Safa'* sendiri dalam jilid pertama *al-Rasail* telah menyebut bilangannya sebanyak 52 makalah manakala dalam jilid ketiga pula mereka menyebut 51 makalah. Lihat Umar Farrukh, *Ikhwan al-Safa'*, h. 30. Penulis memilih jumlah 52 berpandukan bilangan makalah yang terkandung dalam *al-Rasail Ikhwan al-Safa'*.

<sup>6</sup>Lihat Sayyed Hossein Nasr, *op.cit.*, h. 22-26, Muhammad Lutfi Jum'ah, *op.cit.*, h. 255-257.

mengelirukan pembaca. Manakala tujuan sebenar *Rasail* ini ditulis sebagaimana yang dinyatakan oleh *Ikhwan al-Safa'* sendiri antara lain ialah untuk mendedahkan semua bentuk ilmu pengetahuan kepada manusia. Ini kerana *Ikhwan al-Safa'* berpendapat, kejayaan manusia bukan sahaja bergantung kepada ibadat dan akhlak, bahkan bergantung juga kepada ilmu pengetahuan.<sup>7</sup>

### **Antara *Ikhwan al-Safa'* dan Syi`ah Ismai`liyyah**

*Ikhwan al-Safa'*, berdasarkan bukti-bukti yang kukuh dianggap sebagai jentera penggerak Syi`ah Ismai`liyyah. Dr. 'Arif Tamir dalam bukunya "*Haqiqah Ikhwan al-Safa' wa Khullan al-Wafa'*", mendedahkan hubungan *Ikhwan al-Safa'* dengan Ismai`liyyah berdasarkan wujudnya persamaan dari berbagai aspek terutama ajaran dan pegangan kedua-dua golongan ini.

Beliau berpendapat bahawa falsafah Ismai`liyyah pada hakikatnya adalah hasil benih yang disemai oleh *Ikhwan al-Safa'*.<sup>8</sup> Keintiman falsafah *Ikhwan al-Safa'* dan falsafah Ismai`liyyah jelas, hingga digambarkan bahawa kegagalan memahami hakikat falsafah *Ikhwan al-Safa'* adalah berkait rapat dengan kurangnya pembacaan dan pengkajian terhadap karya falsafah al-Ismai`liyyah.<sup>9</sup>

Selain dari pemikiran dan falsafah, terdapat banyak persamaan-persamaan kandungan *al-Rasail* dan Kitab *Da'a'im al-Islam* karya al-Qadi al-Nu'man bin Hayyun al-Maghribi yang dianggap dasar dan kanun utama aqidah dan syariah mazhab Ismai`liyyah.<sup>10</sup> Perbandingan lain pula memfokuskan sudut bilangan makalah *Ikhwan al-Safa'* yang jelas

---

<sup>7</sup>Lihat Umar Farrukh, *op.cit.*, h. 27-34.

<sup>8</sup>Arif Tamir, *Haqiqah Ikhwan al-Safa' wa Khull 'an al-Wafa'*, 1966, h. 8.

<sup>9</sup>*Ibid.*, h. 9.

<sup>10</sup>*Ibid.*, h. 15.

menampakkan suatu kesinambungan dengan jumlah huruf abjad yang membentuk nama salah seorang imam Ismai'liyyah iaitu 'Abdullah bin Muhammad mengikut Hisab al-Jummal.<sup>11</sup>

Dengan ini jelas bahawa di antara *Ikhwan al-Safa* dan Ismai'liyyah, hanya gelaran sahaja yang berbeza, sedang ajaran dan pemikirannya adalah satu.

Kenyataan ini juga secara tidak langsung merupakan asas dalam menentukan pandangan ulama Islam terhadap jemaah dan pegangan mereka. Ini kerana, al-Ismai'liyyah merupakan di antara rangkaian pergerakan *al-Batiniyyah* yang jelas kebatilan dan kesesatannya.<sup>12</sup> Dengan itu, segala pandangan ulama' terhadap pergerakan *al-Batiniyyah* adalah sesuai dan tepat untuk al-Ismai'liyyah dan *Ikhwan al-Safa*'.

### **Risalah *Fi al-'Ilal wa al-Ma'lulat*: Suatu Analisa Pengenalan dan Tujuan Risalah**

Risalah ini ialah risalah yang kesembilan dari bahagian Sains Rasional dan Psikologikal *Rasail Ikhwan al-Safa*'. Dalam senarai *Rasail Ikhwan al-Safa*' secara keseluruhannya ia adalah risalah yang ke-40. Maksud dan tujuan risalah ini dikarang sebagaimana yang jelas pada tajuknya ialah untuk menerangkan masalah sebab musabab sesuatu benda (*al-'ilal wa al-ma'lulat* atau *cause and effect*).

### **Kandungan Risalah**

Risalah ini pada umumnya menampakkan banyak persamaan dengan risalah-risalah *Ikhwan al-Safa*' yang lain dari segi gaya bahasa. Ia

---

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Al-Ghazzali, *Fada'ih al-Bataniyyah*, ed. Darwish, N. Farj, Kaherah, t.t. h. 11 dan 'Abd al-Qadir Mahmud, *al-Fikr al-Islami wa al-Falsafat al-Mu'aradat fi al-Qadim wa al-Hadith*, Kaherah, 1986, h. 25.

dimuatkan dengan perumpamaan-perumpamaan dan contoh-contoh yang dikira perlu dalam menerangkan falsafah mereka. Di samping itu, sorotan ringkas terhadap falsafah-falsafah yang telah dan belum dibincangkan secara panjang lebar, banyak sekali kedapatan. Ini mendorong suatu pembacaan yang berterusan antara satu risalah dengan yang lain.

Risalah ini dimulai dengan mukadimah yang membentangkan pengenalan, falsafah dan latar belakang masalah *al'illah wa al-ma'lul* yang merangkumi syarat dan langkah-langkah yang perlu untuk mencapai hakikat sesuatu benda serta asas ilmu hakikat. Muqadimah ringkas dan padat ini disusuli dengan 16 fasa yang membicarakan subjek-subjek metafizik, Tabii' (kosmologi) dan kemanusiaan.<sup>13</sup>

#### (i) Asas Pengenalan Falsafah

Sebelum dibentangkan bidang-bidang falsafah yang lebih besar, penulis merasakan perlu diketengahkan dahulu beberapa pengenalan falsafah yang dinyatakan oleh *Ikhwan al-Safa'* dalam risalah ini. Di antaranya tentang *al-Hikmah*, Failasof dan Falsafah.

*Ikhwan al-Safa'* berpendapat bahawa *al-Hikmah* ialah suatu nikmat pemberian Allah yang terbesar dikurniakan kepada golongan-golongan yang khusus di kalangan manusia. Firman Allah yang bermaksud:

*Dan barangsiapa yang dianugerahi al-hikmah itu, ia benar-benar telah dianugerahi kurniaan yang banyak. (Al-Baqarah(2):269)*

Hikmah yang dimaksudkan di sini ialah ilmu yang membantu seseorang memahami, mentafsir serta menyingkap rahsia sebenar yang tersirat di dalam ayat-ayat suci al-Quran.

---

<sup>13</sup> *Rasa'il Ikhwan al-Safa'*, j. 3, h. 344-383.

Hikmah dan Falsafah adalah sama menurut *Ikhwan al-Safa'*. Ini bertentangan dengan penggunaan dan pengertian istilah falsafah dan hikmah di kalangan ahli Falsafah Islam terdahulu kerana mereka membezakan di antara falsafah dan hikmah. Falsafah hanya dikhaskan kepada suatu yang berbentuk hikmah manusia semata-mata, manakala kaliniah 'hikmah' pula ialah suatu ilmu yang bersumberkan wahyu yang diturunkan kepada para nabi.<sup>14</sup>

*Ikhwan al-Safa'* berpendapat bahawa falsafah ialah ilmu yang membantu seseorang memahami, mentafsir serta menyingkap rahsia-rahsia sebenar yang tersirat di dalam ayat-ayat suci al-Quran.

*Ikhwan al-Safa'* berpendapat bahawa falsafah ialah berusaha sedaya upaya mencontohi Allah. Ia merupakan suatu cara mendekati diri kepada Allah.<sup>15</sup> Manakala failasof atau 'al-Hakim' pula ialah seorang yang perbuatan dan akhlaknya baik, kata-katanya benar, pendapat dan ilmunya bernas dan hakiki.<sup>16</sup>

Kesimpulannya, falsafah pada pandangan *Ikhwan al-Safa'* ialah ilmu tentang hakikat sesuatu benda tanpa sebarang kesilapan atau kecacatan. Ia juga ilmu yang umum dan ilmu tentang sebab semua perkara mengikut kemampuan manusia.<sup>17</sup>

## (ii) **Epistemologi**

Sebagaimana yang dijelaskan di atas, hikmah atau falsafah dan pengetahuan hakikat sesuatu benda, tidak dapat dipisahkan. Jadi, apakah

---

<sup>14</sup>Sayyed Hossein Nasr, *op.cit*, h. 14.

<sup>15</sup>*Ibid.*

<sup>16</sup>*Rasa'il Ikhwan al-Safa'*, j. 3, h. 345.

<sup>17</sup>Abd. Latiff Muhammad al-'Abd, *Dirasat fi al-Falsafah al-Islamiyyah*, hal. 236.



asas, syarat dan langkah-langkah yang perlu untuk mencapai pengetahuan tersebut?

*Ikhwan al-Safa'* dalam risalahnya ada menyatakan beberapa pandangan. Pengetahuan hakikat sesuatu benda bagi *Ikhwan al-Safa'* ialah ilmu yang merangkumi masalah-masalah kuantiti sesuatu, jujuk-jujuk pembahagiannya, keistimewaan setiap bahagian dan sebab-sebabnya yang mencakupi persoalan-persoalan, adakah, apakah, berapakah, yang manakah, bagaimanakah, di manakah, bilakah, kenapakah ia wujud dan siapakah. Jawapan yang tepat bagi sembilan soalan ini merupakan tuntutan dan syarat bagi sesuatu pengetahuan yang hakiki.<sup>18</sup>

Selain daripada syarat-syarat di atas, terdapat apa yang dinamakan "Syarat Pengkaji". Setiap pengkaji yang ingin mengkaji hakikat sesuatu mestilah mempunyai hati dan jiwa yang bebas dan bersih dari perkara-perkara duniawi, kefahaman dan aqal yang jitu, akhlak yang baik, dada yang lapang, tidak fanatik serta memahami masalah-masalah matematik, mantiq dan ilmu-ilmu ketuhanan.<sup>19</sup>

Kombinasi antara hati yang suci, bebas dari taksub dan taqlid, aqal yang jitu serta kemantapan ilmu pengetahuan ini merupakan senjata penting dalam mencapai pengetahuan yang hakiki. Ini ditambah dengan metod-metod pengkajian yang disarankan iaitu metod deduktif.<sup>20</sup>

### (iii) **Metafizik Dan Teologi**

Teologi adalah matlamat utama falsafah *Ikhwan al-Safa'* dan pandangan mereka lebih mirip kepada falsafah daripada bersifat keagamaan, *Ikhwan al-Safa'* adalah golongan yang mensucikan Allah dari

---

<sup>18</sup>*Ikhwan al-Safa'*, *Risalah Fi al-'Ilal wa al-Ma'ilat*, j. 3, *al-Rasail Ikhwan al-Safa'*, Beirut, L.I, 345, h. 345.

<sup>19</sup>*Al-Rasail*, j. 3, h. 348-376.

<sup>20</sup>*Ibid*, h. 346.

semua bentuk persamaan. Pandangan mereka adalah mirip pegangan al-Mu'tazilah.<sup>21</sup>

Allah pada pandangan mereka adalah asal kewujudan benda dan sebabnya. Segala kewujudan bergantung kepada kewujudan-Nya. Hubungan Allah dengan benda wujud bagi mereka, umpama hubungan angka satu dengan angka-angka lain. Ini kerana angka satu merupakan asas semua angka. Kewujudan angka-angka lain bergantung kepada kewujudannya, manakala ketidakwujudan angka-angka lain tidak mempengaruhi kewujudannya.<sup>22</sup>

*Ikhwan al-Safa'* menegaskan bahawa Allah mengetahui sesuatu dari zat-Nya dan bukan dari contoh-contoh luaran sebagaimana manusia.<sup>23</sup> Bentuk penciptaan juga berbeza di antara Allah dan manusia. Ini jelas, kerana penciptaan yang dilakukan oleh makhluk atau manusia berhajat kepada unsur-unsur material, tempat, masa, peralatan dan pergerakan, sedangkan Allah tidak memerlukannya, bahkan dia yang mewujudkannya. Sesuatu penciptaan oleh makhluk kadang-kadang terdedah kepada rintangan dan kekurangan terutama dari aspek kelengkapan dan sebagainya, sedangkan Allah suci dari masalah sebegini.<sup>24</sup>

#### (iv) Kosmologi

Pengetahuan tentang penciptaan alam oleh Allah merupakan pengetahuan yang penting menurut *Ikhwan al-Safa'* kerana ia mengandungi asas ilmu hakiki. Ia juga sebagai pendorong ke arah memikirkan bagaimana, bila dan kenapa alam ini dicipta. Namun begitu,

---

<sup>21</sup>Umar Farrukh, *op.cit.*, h. 80. Jabbur 'Abd al-Nur, *op.cit.*, h. 35.

<sup>22</sup>Jabbur 'Abd al-Nur. *op.cit.*, h. 36, Sayyed Hossein Nasr, *op. cit.*, h. 30. *Al-Rasail*, j. 3. h. 348.

<sup>23</sup>*Al-Rasail*, j. 3 h. 349.

<sup>24</sup>*Ibid*, h. 358-359.

hukum adat yang menggariskan bahawa sesuatu penciptaan itu memerlukan unsur-unsur benda, masa, tempat, peralatan dan pergerakan telah menyulitkan pemahaman manusia tentang masalah ini. Jadi di sini, *Ikhwan al-Safa'* menegaskan perlu dijelaskan tentang perbezaan bentuk penciptaan di antara Allah dan makhluk, kerana penciptaan alam tidak dapat disamakan dengan penciptaan sesuatu benda oleh makhluk.

*Ikhwan al-Safa'* berpendapat, alam ini makhluk (wujud selepas wujudnya Allah) dan bukannya qadim (tanpa pencipta). Mereka percaya Allah mengadakannya daripada tiada dan ia dicipta bukan dalam lingkungan masa dan tempat kerana masa dan tempat wujud setelah wujudnya alam. Mereka meyangkal fahaman-fahaman yang silap terhadap kata-kata ahli falsafah yang pada zahirnya membawa maksud alam ini qadim, sedangkan pengertiannya yang sebenar adalah sebaliknya.<sup>25</sup>

Bagi *Ikhwan al-Safa'* kewujudan alam yang bersifat berbilang dari Allah yang esa adalah umpama wujudnya bilangan-bilangan atau nombor dari angka satu sebagaimana yang dijelaskan.<sup>26</sup> Manakala kewujudan dan hubungan alam dengan Allah pula digambarkan umpama kewujudan dan hubungan percakapan dengan orang yang bercakap. Mereka berpendapat bahawa sifat wujud yang dikurniakan oleh Allah kepada alam yang menjamin kewujudannya adalah sama dengan kewujudan percakapan yang bergantung kepada percakapan seseorang yang bercakap. Sebaik sahaja seseorang itu berhenti bercakap, maka hilanglah sifat wujud pada percakapan itu.<sup>27</sup>

Dalam mentafsirkan kewujudan alam, *Ikhwan al-Safa'* membahagikannya kepada Alam Jisim dan Alam Roh. Bentuk kejadian

---

<sup>25</sup>*Ibid.*, h. 356-357, Umar Farrukh, *op.cit.*, h. 82.

<sup>26</sup>*Al-Rasail*, j. 3, h. 346-347.

<sup>27</sup>*Ibid.*, h. 349-351.

Alam Jisim dan Tabi'i adalah secara berperingkat mengikut peredaran masa sebagaimana firman Allah dalam surah al-Hadid(57) ayat 4 yang bermaksud:

“Dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa”.

Manakala bentuk kejadian alam roh pula pada pandangan *Ikhwan al-Safa'* adalah secara sekaligus, tersusun tanpa masa dan tempat bahkan dengan kalimat *kun fayakun*.<sup>28</sup>

#### (v) Antropologi

Kajian Antropologi adalah di antara subjek utama dalam falsafah *Ikhwan al-Safa'*. Ini terbukti dari karya-karya mereka berkaitan masalah ini.<sup>29</sup>

Manusia umpama 'alam mini' pada pandangan *Ikhwan al-Safa'*. Tumpuan mereka terhadap subjek ini didasarkan kepada pandangan bahawa manusia adalah asas pencapaian matlamat pembentukan kerajaan ideal yang dilimpahi dengan segala kebaikan dan kemuliaan.<sup>30</sup> Matlamat ini memestikan suatu proses pembentukan individu manusia yang baik dan tersusun, seterusnya melahirkan masyarakat yang ideal.

*Ikhwan al-Safa'* dalam risalahnya mendorong manusia mencari ilmu pengetahuan dan mencontohi para *anbiya'* serta ulama', di samping berusaha sedaya upaya mencapai tahap tertinggi dalam ilmu pengetahuan dan hikmah. Ini pada pandangan mereka akan mendekatkan diri kepada Allah kerana manusia diwujudkan untuk beribadat dan berusaha mengenali

---

<sup>28</sup> *Ibid*, h. 351-352 dan hal. 361.

<sup>29</sup> Rujuk risalah yang ke-9, 26, 27 dan 28 dari *al-Rasail Ikhwan al-Safa'*.

<sup>30</sup> Nadiyah Janal al-Din, *Falsafat al-Farbiyyah inda Ikhwan al-Safa'*, Kaherah, 1983, h. 161.

Tuhannya serta sedaya upaya cuba mencontohi Allah seterusnya mencapai martabat yang tertinggi.<sup>31</sup>

Manusia pada pandangan *Ikhwan al-Safa'* terdiri daripada unsur jiwa dan jasad. Jiwa yang berfungsi sebagai penggerak dan sumber hidup jasad adalah lebih utama dan pengkajian tentangnya patut diutamakan.<sup>32</sup> Walau bagaimanapun jasad juga tidak kurang pentingnya terutama dalam usaha mencapai pengetahuan yang berasaskan jasmani kerana pencapaiannya bergantung kepada deria-deria jasmani.<sup>33</sup> Kesimpulannya, jiwa dan jasad adalah dua unsur yang saling memerlukan pada pandangan *Ikhwan al-Safa'*.

Ekoran dari itu, *Ikhwan al-Safa'* berpendapat bahawa 'kenal diri sendiri' adalah merupakan aspek yang paling penting dalam kehidupan manusia. Ia merupakan ilmu yang mulia dan di antara asas ilmu hakikat sesuatu. Ia juga perlu dalam usaha mengenal dan mendekati Allah kerana sesiapa yang mengenali dirinya, sesungguhnya ia mengenal Tuhannya dan orang yang benar-benar mengenali dirinya, dialah yang benar-benar mengenali Tuhannya.<sup>34</sup>

#### (vi) **Konsep *Illah wa al-Ma'lul***

Konsep *al-'Illah wa al-Ma'lul* merupakan konsep penting dalam Falsafah Islam amnya dan dalam falsafah *Ikhwan al-Safa'* khasnya. Hubungan antara ilmu tentang *al-'Illah wa al-Ma'lul* dan pengetahuan

---

<sup>31</sup>*Al-Rasail*, j. 3, h. 347, Nadiyah Janal al-Din, *op.cit.* h. 171 dan 177.

<sup>32</sup>*Ibid*, h. 164-165.

<sup>33</sup>Abd al-Latiff Muhammad al-'Abd, *op.cit.* h. 228.

<sup>34</sup>*Al-Rasail*, j. 3, hal. 372-375. Lihat juga Jabbur 'Abd al-Nur, *op.cit.* h. 40-48, Umar Farrukh, *op.cit.* h. 87-91, Sayyed Hossein Nasr, *op.cit.* h. 40-42, Nadiyah Jamal al-Din, *op.cit.* h. 159-178, 'Abd al-Latiff Muhammad al-'Abd, *op.cit.* h. 228-232.

hakikat sesuatu dalam definisi Falsafah di sisi bagi *Ikhwan al-Safa'* membuktikan kepentingan konsep ini.

Falsafah bagi mereka adalah pengetahuan hakiki tentang sesuatu benda. Pengetahuan ini mungkin dicapai setelah menjawab 9 soalan yang merangkumi persoalan-persoalan tentang illah dan sebab musabab bagi sesuatu, sebagaimana yang dijelaskan. Kesimpulannya, pengetahuan tentang 'illah bagi sesuatu merupakan asas ilmu hakikat sesuatu dan seterusnya asas falsafah.<sup>35</sup> Bagi *Ikhwan al-Safa'* seseorang ahli falsafah itu semestinya mengetahui dan memahami sekadar kemampuan sebagai seorang manusia tentang 'illah dan hikmat kejadian sesuatu benda, kerana mereka percaya bahawa alam ini diciptakan dengan hikmat dan sebab tertentu serta bebas dari segala unsur-unsur negatif.<sup>36</sup>

Persoalan tentang 'illah sesuatu adalah sulit. Ini diakui oleh *Ikhwan al-Safa'* kerana pada pandangan mereka, 'illah sesuatu perkara adalah terlalu banyak, seni dan sulit. Ia memerlukan kajian yang halus, akhlak dan jiwa yang bersih, ilmu dan kefahaman yang jitu serta menggunakan metod pengkajian yang teratur.

*Ikhwan al-Safa'* tidak membezakan antara kalimah 'illah dan sebab. Dalam fasa ke-7 risalahnya, dikemukakan definisi 'illah dan *ma'lul*. '*Al-Illah* ialah sebab yang mewajibkan wujudnya sesuatu yang lain. *Al-Ma'lul* pula ialah sesuatu yang wujudnya disebabkan oleh sesuatu sebab. 'Illah terbahagi kepada empat jenis iaitu pembuat, jirim (hayula), bentuk (alsurah) dan matlamat atau penyempurnaan (al-mutammimah). Contohnya sebuah katil yang dibuat oleh tukang kayu sebagai 'illah pembuat, kayu sebagai bahan, empat persegi sebagai bentuk dan untuk tidur sebagai matlamat dan penyempurnaannya. 'Illah pembuat atau pencipta terdiri daripada golongan manusia, alam Tabii dan jiwa (al-nafs). Semua pencipta ini berhajatkan unsur-unsur lain seperti jirim, pergerakan dan sebagainya dalam

---

<sup>35</sup> *Al-Rasail*, j. 3, h. 345.

<sup>36</sup> *Ibid.* h. 347-348.

menyempurnakan ciptaan mereka. Ini berbeza dari Allah, yang tidak memerlukan apa-apa bantuan dalam penciptaan-Nya.

Sebagaimana '*illah, Ikhwan al-Safa*' juga membahagikan *al-Ma'lul* kepada empat jenis. Jenis-jenis ini ialah ciptaan-ciptaan yang dihasilkan oleh manusia, alam Tabii (yang membentuk logam dan tumbuhan), jiwa (yang terhasil daripadanya planet-planet) dan akhir sekali apa yang mereka namakan sebagai "*al-Ruhaniyyat al-Ilahiyah*" (yang mewujudkan unsur-unsur seni seperti jirim, jiwa dan sebagainya).

Selain daripada pembahagian di atas, '*illah* dan *ma'lul* juga masing-masing terbahagi kepada umum (kulliy) dan khusus (juz'iy). Matlamat falsafah bagi mereka ialah mencapai *illah* umum dan bukannya yang bersifat khusus kerana '*illah-illah* khusus pada pandangan mereka, mustahil untuk dicapai oleh aqal manusia.<sup>37</sup>

Sesuatu kewujudan yang sempurna akan melimpahkan suatu emanasi kepada benda lain. Emanasi ini pada pandangan *Ikhwan al-Safa*' dilimpahkan dari zatnya. Api misalnya, akan melimpahkan haba dan kepanasan dari zatnya. Hasil emanasi atau sesuatu ciptaan itu akan kekal kewujudannya selama ia terus menerima emanasi itu. Teori ini menjelaskan lagi tafsiran mereka tentang hubungan alam dengan Allah yang dianggap sebagai bergantung sepenuhnya kepada Allah dan emanasinya.<sup>38</sup>

*Ikhwan al-Safa* mengkategorikan semua benda wujud di alam ini sebagai rangkaian '*illah* dan *ma'lul* (sebab dan musabab). Yang terdahulu kewujudannya adalah '*illah* kepada kewujudan yang terkemudian, di samping ianya sendiri adalah *ma'lul* kepada kewujudan yang lebih awal dan seterusnya. Walau bagaimanapun, rangkaian '*illah* dan *ma'lul* ini tidak berlarutan tanpa usul kerana pada pandangan mereka ia akan berakhir dengan suatu '*illah* yang tiada '*illah* sebelumnya dan tiada yang wujud

---

<sup>37</sup>*Ibid.*, h. 358-360.

<sup>38</sup>*Ibid.*, h. 348-350.

mendahuluinya iaitu Allah s.w.t. Ini jelas dapat dilihat terutama dalam kajian mereka tentang hirarki kewujudan benda wujud.<sup>39</sup> Kenyataan ini menguat dan meyokong pandangan mereka bahawa Allah merupakan 'illah pertama kewujudan alam seluruhnya.

*Ikhwan al-Safa'* dalam risalahnya juga, memuatkan beberapa contoh 'illah atau hikmat sesuatu fenomena yang wujud. Di antaranya seperti 'illah atau hikmat lapar, dahaga, kelazatan dan syahwat diwujudkan, 'illah dan hikmat wujudnya sifat kasih sayang, tolong menolong dan sebaliknya sifat-sifat bermusuhan di antara satu sama lain di kalangan binatang.

Fenomena-fenomena ini ditafsir dan dijelaskan 'illah dan hikmatnya, yang umumnya melambangkan keadilan, kesinambungan hidup serta bagaimana ia menghasilkan faedah dan kemanfaatan universal. Mereka seolah-olah mengajak umat Islam berpandangan luas dalam mengkaji hakikat 'illah sesuatu kejadian kerana pandangan yang sempit akan membataskan hikmat sesuatu kejadian dan seterusnya mendorong kepada individualistik dan membatalkan hikmat umum. Hujan contohnya, mesti dilihat dan dinilai hikmat dan 'illahnya secara umum, umpamanya sebagai faktor penyuburan tanah demi kebaikan makhluk seluruhnya dan bukan dinilai berdasarkan kemanfaatan individu atau setempat yang kadang-kala membayangkan seolah-olah ianya tiada apa-apa pulangan bahkan dianggap bala yang menyusahkan. Semua ini timbul dari kesempitan pemikiran yang hanya memfokuskan fokus yang terhad.

## Penutup

Demikian kupasan ringkas yang dapat dicungkil tentang *konsep al-'Illah wa al-Ma'lul Ikhwan al-Safa'* sebagaimana yang terkandung dalam risalahnya *'Fi al-'Ilal wa al-Ma'lulat*.

---

<sup>39</sup>*Ibid*, h. 352-354, Sayyed Hossein Nasr, *op.cit*, h. 36 dan seterusnya Umar Farrukh, *op.cit*, h. 45-47.



Secara keseluruhannya, pembentangan dan pandangan mereka tentang konsep ini adalah sehaluan dengan kebanyakan ahli Falsafah Islam seperti al-Farabi dan Ibn Sina. Unsur-unsur dan pengaruh Falsafah Yunan terutama Plata, Aristotle dan Pythagoras juga jelas. Ini terbukti dari pandangan mereka tentang pembahagian 'illah, teori emanasi dan hirarki kewujudan yang mewujudkan rangkaian 'illah dan ma'lul.

Apa yang menarik di sini ialah jika diperhatikan tafsiran mereka tentang konsep ini, kita dapati wujudnya pengiktirafan terhadap kemampuan benda-benda atau 'illah-illah tab'i menghasilkan sesuatu ciptaan. Walaupun pengiktirafan ini boleh ditafsirkan sebagai 'illah yang lebih bersifat simbolik (bukan hakiki, kerana mereka mengakui bahawa Allah adalah 'illah yang paling utama), tapi pendapat sebegini cukup menimbulkan kontroversi di kalangan *Mutakallimun* yang percaya bahawa segala yang berlaku, adalah dengan kekuasaan Allah secara langsung tanpa sebarang perantaraan.

Dari perspektif Islam, kita dapati golongan *al-Salaf al-Salih* bersepakat bahawa segala bentuk kejadian di alam ini adalah hasil ciptaan Allah secara langsung dengan kehendak (Iradat) dan kekuasaannya (kudrat) tanpa perantaraan sebab-sebab lain. Mereka percaya bahawa sifat kudrat adalah khusus untuk Allah berdasarkan beberapa nas al-Quran yang menceritakan tentang perbezaan antara Tuhan yang sebenar dan Tuhan yang batil. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*“Apakah mereka mempersekutukan (Allah dengan) berhala-berhala yang tidak dapat menciptakan sesuatupun) sedangkan berhala itu sendiri buatan orang. Dan berhala-berhala itu tidak mampu memberi pertolongan kepada penyembahnya dan kepada dirinya sendiri pun berhala-berhala itu tidak dapat memberi pertolongan”.*

*(Al-A'raf(7): 191-192)*

*"Sesungguhnya perintah-Nya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepada, "Jadilah" maka terjadilah ia".*

(Yassin (36): 12)

Nas ini jelas menceritakan bagaimana sifat kudrat itu khusus untuk Allah dan garis pemisah di antara Tuhan yang hak dengan yang batil.<sup>40</sup>

Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Tahafut al-Falasifah* telah menyangkal pandangan ahli falsafah yang menyangka bahawa hubungan di antara sebab dan musabab adalah hubungan yang pasti. Beliau (sebagaimana Imam Asyaari sebelumnya dan David Hume selepasnya) berpendapat bahawa hubungan di antara kedua objek itu (sebab dan musabab) bukanlah suatu yang pasti. Sebagai contoh, hubungan di antara api yang dianggap sebagai '*sabab*', dengan kebakaran kapas (musabab) ketika kedua-duanya (api dan kapas) bertemu, bukanlah bermakna api itu sebab yang pasti bagi kebakaran tersebut. Ini kerana menurut beliau, tiada bukti yang menyatakan bahawa api itu adalah sebab kebakaran, kerana apa yang pasti ialah sesuatu kebakaran itu berlaku ketika suatu objek lain bersentuhan dengan api. Ini membuktikan bahawa suatu kebakaran itu terjadi apabila sesuatu objek berada di sisi api dan bukannya membuktikan bahawa kebakaran itu berlaku disebabkan oleh api tersebut. Kesimpulannya, dalam masalah ini al-Ghazzali berpendapat bahawa Allahlah yang mewujudkan kebakaran pada kapas ketika ianya bersentuhan dengan api, bukannya disebabkan oleh api kerana api pada pandangannya merupakan objek yang kaku, tiada apa-apa keupayaan.<sup>41</sup>

Begitu juga objek-objek lain yang dianggap sebab sesuatu kejadian, sebenarnya tiada sebarang kuasa. Apa yang digambarkan kepada kita wujudnya hubungan di antara *sabab* dan *musabab* contohnya di antara gula

---

<sup>40</sup>Abd al-'Aziz Saif al-Nasr, *Nazariyah al-Sababiyah Fi al-Fikr al-Kalamiy 'al-Islamiy*. Kaherah, 1984, h. 6.

<sup>41</sup>Al-Ghazzali, *Tahafut al-Falasifah*, h. 240.

dan manis, makan dan kenyang dan sebagainya, sebenarnya dihukum berdasarkan hukum adat (kebiasaan) dan bukan berdasarkan bukti bahawa ia merupakan sebab kewujudannya. Api yang kebiasaannya panas bila disentuh telah mencetus suatu kepercayaan dalam jiwa manusia bahawa ia adalah punca kepanasan. Tetapi sebenarnya, panas dan api tiada apa-apa kaitan kerana ia hanyalah semata-mata adat dan mungkin berubah dengan kuasa Allah sebagaimana yang berlaku pada para nabinya (mu'jizat).<sup>42</sup>

---

<sup>42</sup>*Ibid*, h. 239-251 (masalah ke-17).

